

17/09/1997

Menghidupkan semula Sandakan

Muhd Yusuf Abu Bakar

PADA tahun 70-an dan awal 80-an, bandar Sandakan menjadi gah dengan kemewahan berikutan memuncaknya industri pembalakan terutama pengeksporan kayu balak bulat dan ramai menjadi jutawan hasil industri berkenaan.

Bagaimanapun, bandar kedua terbesar di Sabah selepas Kota Kinabalu mula mengalami kemerosotan menjelang awal tahun 1990-an apabila hasil balak semakin berkurangan menyebabkan penduduk yang selama ini bergantung penuh kepada industri berkenaan turut bimbang mengenai masa depan mereka.

Masalah itu ditambah pula dengan gangguan bekalan elektrik yang tidak menentu sehingga menyebabkan penduduknya, terutama peniaga di bandar Sandakan hilang sabar dan mengadakan tunjuk perasaan secara aman.

Kalau dahulu, bandar Sandakan hidup pada waktu malam, tetapi kini suasana berkenaan tidak dapat dirasai lagi, tambahan pula kebanyakan kedai dan gedung perniagaan ditutup seawal 6 petang kerana kekurangan pelanggan.

Kedatangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Sandakan baru-baru ini untuk merasmikan Persidangan Umno Bahagian Libaran, dan kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penduduk Sandakan mengembalikan kegemilangan bandar mereka dengan berusaha keras menggerakkan sektor ekonomi khususnya pertanian dan industri hiliran kayu.

Mengikut bancian penduduk 1991, daerah Sandakan mempunyai 223,432 penduduk yang menumpukan kepada sektor pertanian dan pembalakan.

Seluas 151,759 hektar kawasan tanah sesuai untuk pertanian daripada jumlah berkenaan, 73,007 hektar dibangunkan untuk tanaman kelapa sawit yang dijangka menjadikan Sandakan pengeluar utama sawit bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Malaysia.

Selain itu sektor perikanan boleh dimajukan terutama perikanan laut dalam, sumber perikanan yang belum dieksploitasi sepenuhnya boleh dikembangkan.

Sehingga kini Sandakan mengekspor purata 2.5 juta kilogram ikan setahun manakala pendaratan ikan di Pasar Besar Sandakan pula mencecah purata 1.5 juta kilogram setahun.

Industri pembalakan masih lagi menjadi sumber utama pendapatan penduduk Sandakan.

Selain kegiatan pembalakan, industri hiliran turut berkembang. Sehingga kini sebanyak 83 kilang berasaskan kayu balak didirikan. Daripada jumlah itu, 40 kilang papan, papan lapis dan veneer (17), 23 (moulding), lain-lain (3).

Sektor pelancongan eko yang terdapat di Sandakan turut membantu mengembangkan ekonomi Sandakan. Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Gua Guamantong dan pulau penyu - Selingan serta Lembangan Kinabatangan turut menjadi tumpuan pelancong terutama dari luar negara.

Potensi Sandakan untuk berkembang sebagai pusat ekonomi pantai timur Sabah amat cerah berikutan tamatnya perang saudara di selatan Filipina, hubungan dagang antara bandar raya Zamboanga, Mindanao dengan Sandakan semakin meningkat sejak akhir tahun lalu.

Masalah keselamatan yang selama ini menghantui Sandakan berikutan kebanjiran pendatang asing terutama dari Filipina berjaya dikurangkan berikutan penempatan unit polis marin dan pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Sandakan yang menempatkan lapan kapal peronda untuk mengawasi kegiatan lanun di kawasan perairan pantai timur Sabah.

Perkembangan baik ini perlu digunakan sepenuhnya oleh penduduk Sandakan

untuk membangun dan mengembangkan sektor ekonomi terutama pertanian dan perikanan yang selama ini diabaikan yang bukan sahaja dapat menghidupkan semula bandar Sandakan tetapi juga kawasan pantai timur Sabah.

(END)